



Muhyiddin ketika mengumumkan barisan jemaah menteri di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. Yang turut hadir; Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali. (Foto BERNAMA)

# Isu ekonomi, politik cabaran utama 4 Menteri Kanan

Menteri tekad tunai amanah, tanggungjawab diberi demi kemakmuran

**Kuala Lumpur:** Senario ekonomi mencabar dengan perkembangan politik dinamik, disifatkan cabaran utama kepada Menteri Kanan dilantik dalam pentadbiran Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Mendepani situasi itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, menyifatkan pembaharuan dan inovasi struktur Kabinet baharu mampu memandu jentera kerajaan agar lebih cekap dan berkesan.

Beliau menyifatkan jawatan baharu disandangnya juga tanggungjawab amat berat, terutama dalam persekitaran ekonomi dan perdagangan global yang mencabar.

Ini katanya, ditambah lagi tanggungjawab Malaysia menganjurkan Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) 2020 pada November ini, yang bakal menjadi fokus penetapan hala tuju bagi kerjasama ekonomi dunia lebih dinamik serta terbuka.

“Saya berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana kepercayaan untuk saya memegang jawatan ini.

“Saya dan pegawai kementerian akan mengembleng tenaga berpandukan aspirasi Perdana Menteri bagi menjayakan persidangan ini,” katanya.

Mohamed Azmin berkata, APEC adalah peluang bagi Malaysia untuk menampilkan agenda Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 sebagai penyelesaian pelbagai kemelut ekonomi dan sosial dunia.

“Kerajaan Perikatan Nasional (PN) komited terus melaksanakan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 bagi meletakkan negara ke atas landasan pembangunan yang mampan dan inklusif.

“Kerajaan akan memberi fokus kepada pertumbuhan ekonomi, penciptaan pekerjaan dan menjaga kebajikan rakyat keseluruhannya,” katanya.

Menteri Kerja Raya yang baharu, Datuk Seri Fadillah Yusof, pula mengingatkan rakan-rakannya dalam Gabungan Parti Sarawak (GPS) bahawa pelantikan mereka dalam Kabinet Persekutuan bukanlah untuk dimegahkan.

Sebaliknya, beliau yang juga Ketua Whip GPS di Parlimen, berkata ia adalah amanah besar yang diberikan pucuk pimpinan untuk mereka berkhidmat demi

rakyat dan negara.

“Pelantikan ini perlu digalas dengan rasa rendah diri dan penuh rasa tanggungjawab,” katanya.

Pelantikan Fadillah yang juga Ahli Parlimen Petra Jaya itu, ibarat sirih pulang ke gagang kerana sebelum ini beliau pernah menjawat jawatan sama ketika di bawah pentadbiran Datuk Seri Najib Razak.

“Pelantikan saya sebagai Menteri Kanan dan Menteri Kerja Raya, selain tiga menteri penuh dan lima timbalan menteri yang diperuntukkan kepada GPS adalah pengiktirafan buat rakyat Sarawak oleh kepemimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin di peringkat Pusat dan Ketua Menteri, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg, di peringkat negeri.

“Kami anggota Kabinet dari GPS akan terus memperjuangkan hak Sarawak dan sentiasa memberi keutamaan kepada kepentingan nasional dalam melaksanakan amanah atas portfolio yang dipertanggungjawabkan,” katanya.

Mengulas lanjut, Fadillah menegaskan, walaupun GPS menganggotai Kabinet Persekutuan, namun kedudukan mereka kekal sebagai entiti politik Sarawak yang mesra Kerajaan Persekutuan, dengan GPS akan terus memperjuangkan hak-hak Sarawak dan tidak akan menyertai PN.



**Datuk Seri Mohamed Azmin Ali**  
**Umur:** 56 tahun.  
**Ahli Parlimen Gombak.**  
**Parti:** BERSATU.  
**Pembabitan dalam politik:** Bekas Timbalan Presiden PKR.  
 : Bekas Menteri Hal Ehwal Ekonomi.  
 : Bekas Menteri Besar Selangor.

**Datuk Seri Fadillah Yusof**  
**Umur:** 58 tahun.  
**Ahli Parlimen Petra Jaya.**  
**Parti:** Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB).  
**Pembabitan dalam politik:** Naib Yang

Dipertua Kanan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu.  
 : Ketua Whip Gabungan Parti Sarawak (GPS).  
 : Bekas Menteri Kerja Raya.  
 : Bekas Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.



**Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob**  
**Umur:** 60 tahun.  
**Ahli Parlimen Bera.**  
**Parti:** Naib Presiden UMNO.  
**Pembabitan dalam politik:** Bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.



**Dr Mohd Radzi Md Jidin**  
**Umur:** 43 tahun.  
**Ahli Dewan Negara (Senator).**  
**Parti:** Ketua Penerangan BERSATU.  
**Pembabitan dalam politik:** Bekas Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi.

